

Keterlestarian Kebudayaan

Cultural Sustainability

SHAHARIR MOHAMAD ZAIN

ABSTRAK

Kebudayaan sesebuah tamadun perlu dilestarikan demi kemandirian tamadun tersebut. Tinggal lagi makna kebudayaan itu yang perlu jelas. Untuk itu makna kebudayaan daripada segi etimologi dan penggunaan di Malayonesia sebelum abad ke-18 M ditelusuri dengan tujuan memformulasikan makna kebudayaan yang lebih bertaraf ketamadunan yang lebih tinggi daripada yang biasa difahami di rantau ini kini. Perbandingan makna budaya dengan culture juga dilakukan sebagai bahan tanda aras penilaian itu. Kesimpulannya unsur kebudayaan yang terpenting dan perlu dilestarikan ialah bahasa dan ilmu, khususnya bagi Malayonesia ialah bahasa Melayu dan ilmu Malayonesia. Sejarah turun-naiknya bahasa dan ilmu di Malayonesia ini ditelusuri dengan tujuan mencari indeks-indeks penting keterlestarian kebudayaan Malayonesia, khususnya kebudayaan Melayu Malaysia. Sejarah keruntuhan bahasa dan ilmu dari tamadun-tamadun besar lain juga dipaparkan dengan tujuan menambahkan lagi senarai indeks keterlestarian sesebuah kebudayaan.

Kata kunci: Keterlestarian; kajian budaya; kajian tamadun atau peradaban; ilmu Malayonesia

ABSTRACT

Culture needs to be sustained for survival of the civilization concerned. However the definition of a culture must first be well defined. Therefore we study the definition of culture in English and its corresponding words in Malay, budaya, etymologically as well as based on its practice in Malayonesia before 18th century, with an objective to formulate the meaning of culture better than presently understood. We argue that elements of culture which is most important and need to be sustained is language dan knowledge, particularly for Malayonesia is bahasa Melayu (Malay language) and Malayonesian knowledge in which we define the later element appropriately. Accordingly, a history of rise and fall of a language and knowledge in every big civilization including Malayonesian civilization become a new field of study which we have started to embark on it here, for a purpose of finding important indices of sustainability of a culture.

Keywords: Sustainability; cultural studies; civilizational studies; Malayonesian knowledge

PENDAHULUAN

Keterlestarian yang digembar-gemburkan ialah lingkungan (alam sekitar) dan ekologi diikuti oleh ekonomi dan pembangunan. Tertinggalnya isu manusia dan keterlestarian spesies manusia ini sudah sering diperkatakan dan prakarsa utamanya atas kesedaran ini ialah mengetengahkan unsur kemanusiaan ke dalam program keterlestarian. Muncullah imbuhan eko- kepada pelbagai bidang ilmu di dalam ekonomi tajaan Postel (1990) itu dimulainya dengan *eco-nomics* yang mengelirukan itu. Kemudian dengan perakuan kepada perubahan gaya hidup daripada prestij dan pengejaran keberbezaan (status dan kemewahan) kepada keberpada-padaan/*moderation* oleh beberapa orang sarjana Barat dalam tahun 1990-an seperti Durning (1992) dan Segal (1999); daripada

pengejaran fatamorgana pembangunan kekayaan kepada kebahagiaan (sorotannya di dalam Shaharir 2008). Dalam hal ini para kuasawan dan sarjana Malayonesia, Malayuwiyah atau Pascabima¹ jauh lebih awal mengamalkan atau memperakukan kehidupan berpada-pada ini; bahkan sejak zaman kerajaan Sriwijaya lagi dengan pelbagai istilah bahasa Melayu Kuno (atau *Kunlun*), Jawa kuno, Melayu klasik dan Islam seperti *madhyamaka*, *prasaja*, *sarjawa upasama*, *sanamu*, *paksapata*, *berhemat* dan *wustdo* (Shaharir 2011a). Walaupun demikian perubahannya, namun ada lagi yang masih kurang perhatian di dalam usaha melahirkan keterlestarian makhluk di buana ini hingga kiamat nanti, iaitu kebudayaan. Setakat ini, yang paling hampir dengan isu ini ialah warisan, keterlestarian warisan, dan itu pun motivasinya ialah ekonomi normal itu juga, iaitu pelancongan dan bukannya

eko-nomi Postel itu (Chew 2009). Dalam makalah ini dibicarakan unsur kebudayaan yang lebih merangkumi kemanusiaan yang lebih bermakna lagi dan kebudayaan itulah yang perlu dilestarikan. Seperti yang sering diperkatakan oleh banyak pihak yang membicarakan sesuatu yang menyentuh persoalan kebudayaan sebelum ini, dan seorang daripada yang penulis ini ingin petik di sini (yang lain dinyatakan kemudian), Wilder (1981/2010: 15) menyatakan istilah *culture* (yang dipadankan dengan budaya atau kebudayaan) terlampau banyak konotasinya sehingga seseorang yang ingin memperkatakannya perlulah mentakrifkannya dahulu. Pertamanya, dalam bahasa Melayu itu, imbuhan ke-an di dalam perkataan itu pun membawa beberapa makna: pelbagai, keadaan, dan “yang seakan-akan” atau “yang berkait dengan”. Namun perbezaan kerana imbuhan ini tidaklah besar. Yang besarnya budaya. Maka inilah yang diperkatakan terlebih dahulu di bawah ini.

MAKNA BUDAYA DAN KEBUDAYAAN

Sebelum memperkatakan keterlestarian kebudayaan, maka makna kebudayaan yang ingin dilestarikan itu perlulah dahulu ditetapkan pengertiannya. Lebih-lebih lagi, seperti yang disebut di atas, kerana makna budaya atau kebudayaan memang terkenal dengan kaburnya.

Kebudayaan atau budaya yang biasa difahami ialah adat resam lama, cara hidup tradisi dan manifestasinya sebagai kesenian tampak dan dengar seperti tarian dan nyanyian terutamanya yang tradisi, wayangan, lakonan, teater (secara generiknya boleh diistilahkan sebagai poesis); amalan tradisi seperti bomoh, mantera dan sebagainya (generiknya etnoperubatan), alatan, tukang, pandaian, kraf tangan tradisi, ukiran tradisi, dan sebagainya (generiknya etnoteknologi); atau sastera lisan dan tulisan dahulu kala atau tradisi (generiknya etno-susastera). Ini tidaklah banyak bezanya dengan takrif yang didukung oleh kebanyakan ahli antropologi yang mentakrifkan budaya/*culture* sebagai “pungutan adat ritual, kepercayaan, alatan, *mores* dan sebagainya” (dalam Wilder, sudis=sudah disitasi: 20). Yang paling dipromosikan ialah unsur kebudayaan yang dikelaskan sebagai poesis itu. Pokoknya, kebudayaan yang diuar-uar dan dipromosikan di dalam masyarakat Melayu Malaysia atau lebih am lagi Malayonesia/Pascabima ialah yang berhubung

dengan poesis atau amalan bukan tekni/*techne*², logos³, atau epistem/*episteme*⁴, atau nomia⁵, bahkan yang bukan x-sastera mengikut pengertian bahasa Melayu purba (*Kunlun*) tentang sastera⁶.

Berlainan dengan makna biasa bagi orang Barat (Inggeris) awam tentang budaya/*culture*. Pertamanya, budaya kepada mereka ialah amalan biasa/harian masyarakatnya, bukannya poesis. Umpamanya apabila ditanya orang biasa dari Amerika Syarikat, apakah “budaya Amerika Syarikat?”, besar kemungkinannya dia termenung sejenak dan mungkin menjawab “kebebasan”, teknologi atau kejuruteraan buatan Amerika Syarikat. Apabila ditanya orang Amerika Syarikat atau Eropah yang berada agak lama di Malaysia ini tentang “apakah budaya orang Melayu di Malaysia?”, maka mungkin sekali jawabannya “mementingkan hierarki tradisi dan pekerjaannya” (iaitu sarat feodal) sehingga budaya ekornya seperti tidak kritis/menyoal, mudah akur/tunduk kepada pihak atas/berkuasa, dan sebagainya, amat menjaga kedudukan hierarkinya dalam tatanan masyarakatnya/komunitinya. Sebelum kami membuat kesimpulan makna budaya dan kebudayaan di dalam makalah ini, maka dibicarakan dahulu makna *culture* yang semakin mempengaruhi makna budaya atau kebudayaan itu.

MAKNA *CULTURE*

Apakah makna budaya atau *culture* (dalam bahasa Inggeris) mengikut sarjananya? Perkataan *culture* di dalam bahasa Inggeris oleh Williams (1983) diakuinya sebagai antara dua-tiga perkataan yang paling kelek (kompleks, kusut dan bergusut) di dalam bahasa Inggeris. Tidak pula dinyatakan apakah dua-tiga perkataan itu. Penjelasan asal-usul atau etimologinya dan perubahan maknanya sejak mula didukungnya daripada Latin, *cultura*, cukup panjang, 5 pipi. Di sini dipetik intipatinya.

Culture berasal daripada Perancis yang berasal daripada Latin *cultura* dan lebih awal lagi *colere* yang bermakna mendiami, menanam, melindungi, mengudusi/mensakrali. Perancis yang mengambilnya menjadi *coulture*, sebelum menjadi *culture*, dengan makna utamanya persenyawaan (haiwan atau tanaman), oleh itu *culture* itu mulanya cenderung maknanya kepada pertumbuhan tabii (flora-fauna) terutamanya ditujukan kepada pertanian (haiwan peliharaan dan tanaman makanan dan sebagainya). Perkataan Latin yang sama

diambil oleh Jerman menjadi *Cultur* atau *Kultur* tetapi dengan dua makna. Pertamanya dengan makna yang sama dengan pengadaban/pentamadun/*civilization*, iaitu sebagai proses am menjadi *civilized* (bersivil, beradab, bertamadun, madani) atau *cultivated* (terkultivasi, terbelai, terpupuk). Keduanya, perkataan itu mengambil makna perihalan proses membangun manusia sekular. Kemudian berlaku perubahan lagi kepada makna *culture* dan *civilization*, iaitu perkataan pertama itu untuk kebendaan/material dan perkataan kedua itu untuk rohani. Sejak akhir abad ke-19 M, *culture* dalam bahasa Inggeris dipengaruhi oleh *culture* Perancis dan *Kultur* Jerman itu dengan empat maknanya: (1) proses pertumbuhan tanaman dan haiwan seperti dalam ungkapan *potatoe culture* dan *germ culture* dan *culture* ini dimasukkan ke dalam bahasa Melayu sebagai kultur (kultur kentang dan kultur benih) bukannya budaya kerana budaya dikhaskan kepada manusia; (2) kata nama abstrak yang memerihalkan proses am membangun cendekiawan, rohani dan estetika, (3) kata nama am atau khas, yang menuding kepada satu cara hidup khas yang terlibat perubahan manusia daripada liar kebinatangan kepada kebebasan kemanusiaan menerusi penjinakan atau pendidikan, (4) kata nama abstrak yang memerihalkan kerja/karya dan praktis/amalan kecendekiawan terutamanya kegiatan kesenian seperti muzik, kesusasteraan, pelukisan/pegecatan dan pengukiran, teater, filem, falsafah, keserjanaan dan sejarah. Bagi ahli arkeologi dan antropologi, *culture* terutamanya merujuk kepada penghasilan kebendaan/material; manakala dalam sejarah, *culture* terutamanya merujuk kepada sistem perlambangan atau simbolik. Menarik rasanya dicatat di sini bahawa Huntington (1996:21) mentakrifkan budaya bagi tujuan analisis dan teori politiknya yang kontroversi itu hanya kekeluargaan, agama, bahasa, sejarah, nilai, adat resam, dan institusi (*ancestry, religion, language, history, values, customs and institutions*) yang sebenarnya, kami kira, boleh dirangkumi dengan bahasa dan agama sahaja, sehingga beliau membahagikan dunia ini kepada 8 budaya atau peradaban sahaja. Ini tentunya meninggalkan banyak unsur budaya dan peradaban yang tidak kurang pentingnya itu.

Kesimpulannya, *culture* manusia (bagi Barat) ialah cara hidup yang ber-evolusi dalam aspek kecendekiawanan, kerohanian dan keindahan-kesenian, hasil pemikiran keserjanaan atau keteknologian, dan karya sastera, dan kesenian (yang dikategorikan sebagai poiesis).

MAKNA BUDAYA

Apakah makna budaya dalam bahasa Melayu mengikut sarjananya? Makna budaya jauh lebih jelas daripada *culture* di atas. Ada dua mazhab tentang asal-usul perkataan budaya. Pertamanya, yang berpendapat budaya berasal daripada Sanskrit/Sanskerta, *buddhayah* yang berupa kata jamak bagi *buddhi* (Koentjaraningrat 1974 dan Hidayat t.t.). Keduanya mengikut Sutan Takdir Alisjahbana pada tahun 1930-an dahulu lagi, budaya itu daripada dua perkataan, budi dan daya, masing-masingnya daripada Sanskrit *buddhi* dan *daya*, sebagaimana yang dicatat di dalam Hidayat (t.t).

Apabila dirujuk bahasa Sanskrit (Internet 1), *daya* bermakna simpati, kasihan belas; *dhaya* bermakna memiliki; dan *dhayas* bermakna penguatan, menguatkan. Jelas daya di dalam bahasa Melayu Malayonesia berasal daripada Sanskrit *dhayas*, bukannya *daya* atau *dhaya*, kerana dalam *Kamus Besar bahasa Indonesia*, KBBI (Internet 2) “daya” bermakna kekuatan, kemampuan, kapasiti, tenaga; dan makna “daya” yang lain di dalam KBBI itu nampaknya tiada dalam Sanskrit. Begitu juga makna “daya” di dalam kamus muktabar Melayu Malaysia, Kamus Dewan (KD).

Budi adalah daripada Sanskrit *buddhi* yang bermakna bijaksana, intelek, kefahaman, minda, nalaran/taakulan, peradilan (kamus Monier-Williams 1956). Makna *buddhi* ini tidak diwarisi di dalam budi Melayu jika kita berdasarkan KBBI kerana di situ “budi” ialah “alat batin yang merupakan paduan akal dan perasaan untuk menimbang baik dan buruk” (iaitu intuisi/gerak hati, qalbu, hati nurani, bisikan hati, fikiran, minda, deria/indera kemanusiaan bagi tujuan adab atau etika sahaja), “tabiat, akhlak, watak: perbuatan baik, kebaikan” seperti dalam “budi pekerti”, dan “budi bahasa” (iaitu adab, akhlak, dan etika yang tersirat di dalam peribahasa “orang berbudi kita berbahasa”), dan “budi bicara” atau “akal budi”. Di dalam KD mentakrifkan budi dalam aspek adab dan santun sahaja juga. Dalam peribahasa (berdasarkan kompilasi peribahasa oleh Abdullah dan Aion (1993) yang ditelaah oleh Shaharir (2013a & 2013b) terdapat 30 buah peribahasa berkenaan dengan budi dan 10 daripadanya yang merujuk kepada ilmu, akal, atau pemikiran; manakala yang selebihnya bermakna kelakuan baik, baik hati, dan sebagainya seperti budi dalam “budi bahasa” itu. Ini jelas menunjukkan budi telah mengalami perubahan makna asalnya (berhubung dengan

ilmu) kepada makna baharu (berhubung dengan akhlak) dalam bahasa Melayu. Malah berdasarkan sarjana agung Malayonesia atau Malayuwiyah awal abad ke-17, Bukhary al-Jawhary, ternyata *buddhi* Sanskrit itu benar-benar diislamkan kerana di dalam karya agungnya, *Taj al-Salatdin* 1603 beliau memadankan *budiman* dengan *ulil albab*, di dalam *al-Quran*. Mengikuti Ali Sari'ati *ulil albab* ialah cendekiawan Islam yang jika berdasarkan *ayat-ayat* yang mengandungi *ulil albab* di dalam *al-Quran* (berjumlah 16 *Ayat* semua) memang bercirikan cendekiawan yang biasa di fahami itu: kritis, berani menegak kebenaran, bijaksana, tetapi dengan tambahan sifat-sifat ilmuwan Islam seperti sentiasa bimbang akan Allah, bertakwa, bertafakur, berzikir, bertahajud, ... (lihat perincian di dalam Shaharir 2011b: 37-38). Hidayat (t.t) memaparkan petikan *Serat Centhini* (warisan susastera Jawa Baru yang muncul dalam abad ke-18 M) yang ditulis dalam 1903 yang begitu jelas perkataan budi disamakan dengan akal dan hakikat dalam ajaran *Nur Muhammad* dalam tradisi sufi di Malayonesia ini. Beliau juga memetik karya Hamka, *Lembaga Budi* 1930, yang jelas mengislamkan budi kepada akhlak. Mengikuti Hidayat itu lagi, polemik makna kebudayaan berlaku di Malayonesia dalam tahun 1935-1940-an antara mereka yang mahu kebudayaan ditakrifkan secara profan (oleh itu sekular) seperti *culture* atau *Kultur* di Barat dengan jaguhnya terdiri daripada Tan Malaka, Sutan Sjahrir dan Sutan Takdir melawan mereka yang mahu takrif sakral (keagamaan Islam) seperti Hamka dan pendukung nilai *Serat Centhini* itu. Mengikuti Hidayat lagi sejak 1990-an takrif kebudayaan di Indonesia lebih cenderung kepada takrif sakral. Ini terbukti di dalam takrif budaya di dalam kamus muktamar bahasa Melayu Indonesia dan Malaysia (KBBI dan KD).

Walaupun budi di dalam KBBI dan KD tidak menghayati *buddhi* asal dalam Sanskrit, namun sebaliknya dengan takrif budaya. Malah, dalam KBBI, budaya ditakrifkan sebagai fikiran, akal budi (iaitu minda) dan adat istiadat. Takrif ini lebih daripada gabungan harafiah budi + daya dan tidaklah sempit seperti fahaman awam tentang budaya itu dengan syarat fikiran dan akal budi itu cukup ditakrif dengan meluas dan matangnya sehingga memasukkan sains dan teknologi. Di dalam KD, selain makna yang berkisar pada adab dan sopan ditambahnya peradaban atau tamadun yang secara kebetulan sama dengan satu daripada takrif *culture* yang menghayati makna budaya atau *Kultur* Jerman

itu. Malangnya ini tidak dihayati umum, bahkan bahasa dan kesusasteraan pun sering ditonjolkan bukan sebahagian daripada Kebudayaan sepenuhnya sehingga sarjana besar kita kini pun, Naquib al-Attas, menamakan sebuah pusat pengajian di UKM dalam tahun 1970-an sebagai Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (sejak 1990 bertukar namanya kepada Institut Alam & Tamadun Melayu, ATMA).

Daripada takrif budaya dan *culture* di atas, ditambah pula dengan makna peradaban/tamadun dan *civilization* yang komponen utamanya ialah masing-masingnya kebudayaan (=keadaan budaya), atau *culture*, maka (sesuai pula dengan takrif tamadun yang kami ketengahkan sebelum ini, Shaharir 2010):

..kami mentakrifkan kebudayaan sebagai bahasa, agama dan ilmu (wahyu dan *'aqal* yang merangkungi tekne, logos, nomia dan epistem) dengan segala manifestasi rohani-jasmaninya dan poisesnya. Kebudayaan inilah yang kami anggap penting dilestarikan. Oleh itu keterlestarian kebudayaan ialah keadaan yang membolehkan bahasa, agama dan ilmu dipertahankan atau dikembangkan hingga ke hari kelak sampailah kiamat.

Apakah ciri-ciri agama dan ilmu yang perlu dilestarikan menjadi perkara utama yang dibicarakan selanjutnya? Mungkin kelestarian sebarang bahasa di dunia ini amat disetujui umum tetapi apakah faktor yang menjamin keterlestariannya juga masih menjadi pertikaian sarjana.

HUBUNGAN BAHASA, AGAMA DENGAN ILMU

Bahasa sering dianggap hanya alat neutral yang berperan menjadi penyampai/pengkomunikasi sahaja, terutamanya bagi para utilitarian. Bahasa apa pun digunakan untuk itu tidak menjejaskan apa-apa kepada kandungan sampaian maklumat yang dikomunikasikan itu. Khususnya bahasa sains dan matematik umpamanya boleh disampaikan dalam bahasa apa sahaja dan tiada apa-apa yang berlaku pada matan sains dan matematik itu. Hujah ini menguatkan teori Fishman (1968) tentang perlu adanya dua bahasa dalam sesebuah negara membangun, iaitu bahasa nasion/janapada dan bahasa nasional/kebangsaan. Bahasa nasion/janapadan ialah bahasa rasmi, bahasa pembangunan, bahasa pendidikan atau bahasa ilmu negara. Bahasa nasional itu bertujuan perpaduan dan identiti negara-bangsa sahaja, iaitu berkepentingan politik sahaja. Bahasa nasion/janapada itu ialah

bahasa yang terbukti sudah pun maju atau sudah pun menjadi bahasa ilmu semasa, iaitu biasanya bahasa bekas penjajah negara membangun itu. Ini teori yang cocok dengan natijah yang bergaya paradigma “Berakhir sudah...” Fukuyama (1992), “Berakhir sudah bahasa bekas tanah jajahan Barat”. Teori ini tentunya amat digemari/disetujui oleh para cendekiawan komprador atau terpasung dan pemimpin yang terpesona dengan kebudayaan bangsa bekas penjajahnya ⁷.

Pemisahan minda, kesedaran atau pemikiran dengan bahasa yang diartikulasikan oleh para rasionalis seperti Descartes dan Leibniz; dan empirikis seperti Locke sudah lama disangkal oleh para sarjana mulai abad ke-18 dimulai oleh Humboldt yang terkenal dengan pemakaian data pelbagai bahasa termasuk bahasa Jawa. Humboldt akhir abad ke-18 sudah menyatakan bahasa berperanan dalam swa-kesedaran dan dalam berfikir (Mueller-Vollmer 2011). Selepas sarjana ini, selain daripada pandangan klasik (lihat Carroll 1956; Hoijer 1954; Sapir & Mandelbaum 1983), yang ingin disebut di sini ialah falsafawan besar dan polimates abad ke-20, Heidegger berpandangan “bahasa ialah rumah Makhluk” (Makhluk=*Being* terjemahan Inggeris terhadap istilah asalnya *Sein* dalam bahasa Jerman) yang ditafsirkan bahasa ialah jiwa manusia, dan mungkin inilah yang mendorong terbitnya ungkapan keramat “bahasa jiwa bangsa.” (Guerrero 2011). Namun kami lebih bersetuju mentafsirkan semula ungkapan Heidegger itu sebagai “bahasa penemu ilmu” (Shaharir 2012a). Seorang sarjana besar bahasa dan linguistik abad ke-20 dan kini, Chomsky juga menyatakan di dalam Rieber (1983) bahawa bahasa ialah satu daripada sistem kognitif dan menegaskan bahasa bukan medium kognitif; dan baginya kognitif ialah sebarang aspek daripada kepercayaan, ilmu dan pengetahuan, atau kefahaman seseorang. Karya terbaru yang menegakkan teori bahasa pewarna ilmu (secara umumnya) ialah oleh Deutscher (2010) yang dianggap oleh beberapa buah institusi (*The Economist*, *The Financial Times* dan *The Library Journal*) sebagai buku terbaik 2010. Walau bagaimanapun, malang sedikit bagi ahli sains matematik kerana Chomsky juga nampaknya tidak memperakui kesahan pandangannya di dalam sebahagian yang agak besar daripada matematik kerana kognitif daripada bahasa itu ditegaskan juga tidak termasuk komponen kognitif seperti kapasiti mengorganisasi ruang visual, atau berkira bicara dengan sifat-sifat niskala/abstrak daripada sistem nombor (Ini selain daripada komponen kognitif

untuk memahami dan menghargai/mengapresiasi jenis-jenis ciptaan muzik tertentu, atau kebolehan memberi erti kepada struktur sosial yang juga disebut terkeluar daripada pandangannya itu).

Walaupun bagaimanapun pandangan tambahan Chomsky yang berhubung dengan matematik itu semakin terbukti silapnya di dalam alaf ini kerana semakin banyaknya karya yang meliputi “sains dan matematik” yang membuktikan bahasa bukan sahaja mengungkapkan pemikiran tetapi juga membentuk pemikiran yang hendak diungkapkan. Struktur bahasa secara profaun/tajalli membentuk cara kita membina realiti/hakikat/kenyataan. Kajian terbaharu menunjukkan kemahiran membilang pun memerlukan kemahiran bahasa (*Boroditsky 2010*). Namun bukti konkrit hal ini di dalam sains atau matematik yang lebih tinggi arusnya tidaklah mudah dipaparkan, bahkan dalam sains matematik lagilah sukarnya. Sejak PPSMI bermaharajalela 2002 hingga kini (akibat pemansuhan PPSMI 2011 secara “pendaratan lembut” itu, kini masih ada sekitar 5% sekolah yang melaksanakan PPSMI dan sekolah ini nampaknya menjadi benih tumbuh semula PPSMI pada masa terdekat ini), penulis tercabar membuktikan adanya sekurang-kurangnya simbiosis yang konkrit di dalam matematik dan fizik teori dan sebuah buku yang memuatkan perkara ini sepenuhnya (Shaharir 2012b) ⁷. Memadailah di sini ditegaskan bahawa keterlestarian sesuatu bahasa bergantung hebat dengan keterlestarian ilmu dalam bahasa tersebut. Diktum baharu yang diutarakan oleh penulis ialah “Bahasa Jiwa Satria” (Satria ringkasan kepada semua bidang sains dan teknologi) sesuai dengan tafsiran baharu kami terhadap perana bahasa yang disebut di atas. Oleh itu di sini hanya keterlestarian ilmu sahajalah yang ditumpukan bicara.

Di dalam Islam, ilmu dan iman sukar dipisahkan malah Rosenthal (1970/1992) membuktikan kesetaraan ilmu dan iman. Jika kita mengikut tesis Rosenthal ini maka tidaklah perlu kita membicarakan keterlestarian agama (Islam) apabila sudah dibicarakan keterlestarian ilmu. Akan tetapi sebab tesis Rosenthal itu tidaklah disetujui oleh semua pihak, maka isu keterlestarian agama masih perlu dibicarakan secara berasingan. Kami berhasrat untuk membicarakannya di wacana yang berasingan kelak.

KETERLESTARIAN ILMU

Kesedaran perlunya keterlestarian ilmu nampaknya bermula pada akhir dasawarsa alaf ini sahaja tetapi itu pun tentang konsep “pendidikan yang cukup dan kosnya” oleh Rao drk. (2008), dan kurikulum dan tahap kekompetensian lulusan Sarjana Muda dalam kejuruteraan/rekayasa teknik oleh Lan (2008) dan Segalas drk. (2009). Tiada penulisan tentang dasar/kebijakan atau faktor/indeks keterlestarian ilmu.

Untuk mendapatkan pengurusan berstrategi terhadap ilmu agar ilmu itu terlestarikan kita perlu memahami tabii ilmu, iaitu falsafah ilmu dan khususnya, epistemologinya. Kita juga berkemungkinan mendapat rumus pelestarian ilmu menerusi kajian bangun-runtuhnya ilmu dalam sesebuah tamadun besar seperti tamadun kita sendiri, tamadun Malayonesia/Malayuwiyah/Pascabima; tamadun yang hampir dengan kita: Tamadun Hindia⁸, Tamadun Buddha⁹, Tamadun Islam¹⁰ dan Tamadun Oksiden¹¹. Ini tidak mengambil kira penjajahan Portugis dan Belanda di Melaka mulai 1511-1762 dan pemusnahan Campa oleh Vietnam mulai 1471 hingga 1822. Pendekatan kedua ini, kajian faktor-faktor turun-naiknya pencapaian ilmu di dalam tamadun-tamadun yang disebut itu memang agak lebih sukar kerana banyak persoalan jatuh-bangunnya ilmu di tamadun-tamadun itu yang tak terjawab. Mari kita siasah ilmu tamadun kita sendiri sahaja dahulu.

IKTIBAR KETAKTERLESTARIAN ILMU MALAYONESIA

Ilmu di tamadun kita sendiri, tamadun Malayonesia, berkembang pada masa ‘penghindaannya’ mulai 78 M (atau 1 Saka) itu. Kami ada bukti yang menunjukkan Tamadun Malayonesia-Hindu-Buddha itu mencipta beberapa bidang ilmu yang mendahului tamadun lain seperti sistem angka perpuluhan yang ada kosong, dan ilmu kepimpinan dan kepengurusan, *Cakravantin* (Lihat Shaharir 2005 & 2008 dan Alinor 2007 & 2010). Kemudian ternyata ilmu Malayonesia-Hindu-Buddha ini tidak terlestarikan kerana apabila pengislaman Malayonesia berlaku mulai abad ke-13 itu nampaknya ilmu (sains dan matematik) itu hampir semuanya diabaikan lalu terfosil di prasasti yang dijumpai oleh sarjana Barat pada abad ke-19 M dan terfosil di dalam jurnal-jurnal ilmiah. Setakat yang kami jumpai, pengislaman ilmu Malayonesia

Hindu-Buddha secara bertulis dilakukan di dalam bidang *horasastera* (astrologi, astronomi dan kosmologi) apabila model alam semesta Hindu-Buddha diislamkan (Lihat perinciannya di dalam Shaharir 2000) tetapi itu pun tidak diketahui oleh ilmuwan Malayonesia ketika negara-bangsa baharu muncul dalam abad ke-20 dan rancangan pembangunan keilmuan di negara-bangsa itu dilakukan bermula pada aras kosong sahaja (diambil dari Barat/penjajah sepenuhnya). Pembangunan sains dan matematik Malayonesia pada zaman pengislamannya hampir bermula daripada kosong semula dengan mendukung ilmu daripada tamadun Islam dan mengembangkannya daripada benih dalam acuan itu (Lihat KuPELEMA 2008). Pengislaman kepada ilmu (sains dan matematik) Hindu-Buddha itu hampir tiada berlaku. Kenapa hal sebegini berlaku di Malayonesia tetapi tidak berlaku di tamadun Islam terhadap ilmu sains dan matematik Yunani, Hindia, Persia dan lain-lain?

Satu lagi fenomena yang menarik ialah perkembangan ilmu Malayonesia ialah yang berlaku di Petani dalam abad ke-19 yang banyak melahirkan *magnus opus* ilmu dalam bahasa Melayu. Bagaimana ini boleh berlaku sedangkan Petani sudah lama dijajah Siam pada abad itu, dan mengenangkan biasanya penjajahan menjadi faktor ketakterlestarian ilmu peribumi? Nampaknya, penjajahan Siam tidak menjejaskan perkembangan ilmu Melayu di Petani tetapi tidak berlaku demikian apabila Malayonesia dijajah Barat sepenuhnya mulai abad ke-20 M. Bangsa Malayonesia berhenti berkarya di sepanjang zaman penjajahan Barat, bahkan sejarah yang berlaku pada ilmu Malayonesia-Hindu-Buddha pada zaman pengislaman Malayonesia berulang pada ilmu Malayonesia-Islam pada zaman pembaratannya. Orang Malayonesia yang bebas daripada penjajahannya terkapai-kapai membina semula ilmunya menerusi benih dan acuan Barat sahaja; ilmu warisan tamadun Islam terfosil di dalam manuskrip jawi yang tidak dihiraukannya lagi, sebahagiannya kerana mereka sudah tidak boleh membacanya lagi, sehingga malah kini dianggapnya bangsanya tidak pernah berilmu!

Pendeknya ilmu Malayonesia tidak pernah terlestari. Ilmu Hindu-Buddha lesap atau terfosil dan ilmu Islam pun begitu juga. Bahkan yang terbaharu berlakunya fenomena ini ialah di Malaysia, iaitu ilmu sains dan matematik yang dibina dalam acuan berbahasa Melayu selama 50 tahun dan pemimpinnya dengan mudahnya beraya gembira untuk memfosilkannya pada 2002 dengan

kos pengambusannya sebanyak RM 5 serijuta/bilion dan sejak itu hingga kini, walaupun di peringkat sekolah pemfosilan itu dibengkalaikan pada 2010, sebahagian “wira”-nya lagi daripada bangsa ini sedang bergaya dan melaram mengajak pemimpinnya sambil meneruskan pemfosilan ilmu warisannya dan meluncurkan beberapa buah satelit ilmu Barat di peringkat pengajian tinggi dengan gahnya.

Daripada sejarah ilmu kita sendiri ini beberapa faktor keterlestarian ilmu dapat diutarakan:

1. Keiltizaman membina ilmu dalam acuan sendiri.
2. Kebebasan diri sarjana daripada pihak kuasawan.
3. Kemerdekaan Jiwa kuasawan negara daripada penjajahnya.
4. Kesedaran dan keinsafan sejarah bangsa dan keperluan penginovasian dan petransformasian ilmu warisan bangsa.

Kajian ginjatan ilmu daripada tamadun besar lain yang dilakukan ‘seanalog’ dengan kajian ilmu daripada tamadun Malayonesia di atas seharusnya boleh membuahkan kesimpulan yang lain lagi. Ini menjadi atur cara penyelidikan kami selanjutnya dan tentu kami mengimbau penyelidik lain juga turut melakukan penyelidikan ini.

Sementara itu ada beberapa mutiara kata kefalsafahan ilmu zaman ini yang kami kaji kerelevanannya dengan keterlestarian ilmu. Mutiara kata itu ialah *Ilmu itu kuasa, ilmu itu kekayaan, ilmu itu bebas nilai dan ilmu itu sarat nilai*. Ini dibicarakan satu persatu di bawah ini.

ILMU DAN KEKUASAAN

Satu daripada ungkapan yang mencapai tahap keramat baharu sejak sedasawarsa ini ialah “Ilmu itu kuasa”. Ini adalah padanan daripada *knowledge is power* yang lebih asal lagi *scientia potential est* atau *scientia est potential* di dalam Latin. Selalunya dikatakan ungkapan ini milik Sir Francis Bacon (meninggal 1626), seorang sarjana berbangsa Inggeris yang menggunakan bahasa Latin sebagai wahana pemikirannya kerana pada masa itu bahasanya, bahasa Inggeris masih dianggapnya bertaraf bahasa tani. Sebenarnya ungkapan di atas itu muncul di dalam karya Thomas Hobbes, seorang sarjana yang benar-benar layak dirujuk sebagai “sarjana Inggeris” kerana berkarya dalam bahasa Inggeris. Namun kedua-duanya baharu dan tidak boleh dianggap orang pertama mengungkapkan kata-kata hikmat ini. Kata-kata sebegini atau mirip

begini sudah diungkap oleh pemuisi Parsi tahun 1000 M bernama Shahnameh; dan malah ada sebelum era Kristian lagi seperti di dalam Kitab agama Yahudi (Wikipedia 1).

Kini ada dua makna ungkapan “ilmu itu kuasa”. Pertama, makna yang sudah lumrah maksudnya, iaitu dengan ilmulah seseorang, institusi atau negara itu berkuasa. Satu lagi, dan ini agak baru, hasil pandangan beberapa orang sarjana Barat, yang masyhur seperti Foucault dalam tahun 1970-an dan 1980-an, yang dihuraikan di dalam Rouse (1990) bahawa ungkapan ini bermakna kuasa itulah yang menentukan kemandirian dan kemajuan ilmu. Ini tidaklah sukar dilihat pada zaman tamadun dahulu-dahulu lagi ketika sarjana sentiasa dipelihara oleh raja, sultan dan sebagainya, adanya istilah “ilmuwan diraja”, “tabib diraja”, “hora diraja”, “ahlil nujum diraja” dan sebagainya. Pada zaman moden, zaman adanya “sains besar” sarjana atau ilmuwan hidup segar di bawah tajaan individu, institusi atau negara. Ilmu yang terbit daripada sarjana naungan kuasawan inilah yang tersebar luas dan menjadi ilmu piawainya. Jelaslah, ilmu ini tidak terlestari kerana tumbangnyajatuhnya kuasawan itu tersingkirilah ilmu itu. Bagi Foucault kuasa sentiasa memberi atau dihalang oleh ilmu dan kuasa boleh wujud dan datang daripada mana-mana pun, individu atau institusi, dan kuasa dianggapnya suatu yang positif sahaja. Itu yang menjadikannya sarjana anarkis yang ramai pengkritiknya. Beliau tidak pula membicarakan keterlestarian ilmu daripada kuasa-kuasa itu. Dalam tamadun Malayonesia, keadaan ini lumrah berlaku sejak zaman kerajaan Funan abad ke-5 M dahulu dengan sarjana besarnya seperti Madrasena, Samghapala dan Paramartha adalah sarjana naungan raja Funan; ilmu Funan hilang bersama hilangnya kerajaan Funan. Tinggalannya adalah hasil terjemahan mereka (atas arahan rajanya juga) ke dalam bahasa Tiongkok lalu menjadi ilmu Tiongkok sahaja. Begitu juga, dengan sarjana Sriwijaya seperti Atisa, Saryakirti, dan Dharmakirti. Sarjana Aceh seperti Nur al-Dyn al-Ranyry terkenal sarjana sultan Aceh yang mempengaruhi sultannya membakar semua karya musuh kecendekiawanannya. Hampir semua karya agung dalam bahasa Melayu klasik (sebelum abad ke-19 M) adalah atas perintah atau perkenan raja/sultan sarjana itu termasuklah *Sulalaht al-Salatdin*, *Taj al-Salatdin*, *Bustan al-Salatdin*, itu. Pengecualiannya ialah karya-karya sarjana Petani abad ke-19 M. Karya mereka adalah benar-benar di luar hukum pengkaryaan yang dibicarakan di

sini, iaitu “kuasa penentu ilmu”. Petani sudah lama dijajah Siam pada abad ke-19 itu, tetapi pada masa itulah karya agung sarjana Petani muncul: Syaykh Dawud al-Fatdany, Syaykh Ahmad al-Fatdany, dan sarjana luar Petani dari Malayonesia seperti ‘Abd Shamad al-Falimbany (Syahid di Perang Siam 1785) dan Arsyad al-Banjary (meninggal 1812) melahirkan *magnus opus* masing-masing, setengahnya cukup radikal, iaitu karya kemerdekaan bangsa/rantau yang mereka namai *Malayuwiyyah* (lebih awal daripada istilah Malayonesia oleh George Earl itu)¹². Orientalis ada menyebut bahawa di dalam kala pengislaman di Malayonesia banyaklah ilmu Hindu-Buddha yang dimusnahkan. Mereka merasionalkan hipotesis ini dengan kewujudan hanya kurang daripada 10 prasasti berbahasa Malayu (*Kunlun*) Sriwijaya sedangkan prasasti Campa ada ratusan. Hipotesis ini mungkin sukar juga dipalsukan (suatu yang bersifat sains, mengikut falsafah sains Popper) apabila mengenangkan terjumpanya seorang sarjana-‘ulama bernama ‘Abd al-Qadyr al-Fatdany/Bukit Bayas/Duyung mengeluarkan fatwa haramnya menjual-beli atau membaca hikayat atau dongeng tempatan seperti *Hikayat Sri Rama*, *Serat Jawa*, *Syair Ken Tabuhan* dan sebagainya yang disebut di dalam Wan Mohd Saghir (2000). Kemudian sarjana di bawah naungan kuasawan membuktikan mampu ‘mentaklestarikan’ ilmu dengan mempengaruhi penaungnya itu memusnahkan ilmu yang tidak disukai seperti yang berlaku kepada Nur al-Ranyry yang berjaya membakar banyak karya musuh kecendekiawanannya. Sedikit sebanyak “Pendidikan Sepadu” 1988, dan “Islam Hadhari” 2004 juga boleh menjadi contoh kegagalan pembinaan ilmu di bawah naungan kuasawan.

Apakah pengajarannya daripada perbincangan di atas, dalam konteks mendapatkan faktor-faktor keterlestarian ilmu? Kita boleh membuat kesimpulan berikut: (1) Ilmu perlulah bebas daripada kuasawan: Atur cara penyelidikan ilmu perlu bermula daripada bisikan hati ilmuwan sendiri. (2) Ilmuwan perlu tidak taasub pendiriannya.

ILMU DAN KEKAYAAN

Hubungan ilmu dengan kekayaan bukan perkara baru juga; yang baharu penegasan dan prioritinya. Sebuah hadis menyatakan (maksudnya) “ilmu bukan diperlukan untuk di dunia sahaja tetapi untuk ke akhirat juga diperlukan ilmu”; hadis yang lain lagi menyatakan Nabi Sulaiman diberi satu pilihan

daripada tiga perkara: kekayaan, kekuasaan dan ilmu, dan baginda memilih ilmu. (Lihat himpunan hadis oleh Hadiyah 1980). Dalam sebuah riwayat (Internet 3) Sayyidina Ali r.a. menjawab soalan daripada 10 orang ilmuwan yang bertanyakan beliau tentang ilmu dan kekayaan dengan katanya ilmu ialah warisan nabi tetapi kekayaan warisan Fir’aun, kekayaan perlu dijaga tetapi ilmu menjaga seseorang yang memilikinya, Ilmu meningkat apabila disebar tetapi sebaliknya kekayaan berkurangan, seseorang kaya banyak musuhnya tetapi seseorang ilmuwan banyak rakannya, ilmuwan selalu murah hati tetapi orang kaya memanglah berkira, ilmu tidak boleh dicuri tetapi kekayaan sentiasa terdedah kepada bahaya dicuri, ilmu beroleh kedalaman dan dimensi baharu dalam tempoh berlalu tetapi sekeling yang disorok berkarat atau menjadi tidak laku, akaun kekayaan boleh dibuat tetapi akaun ilmu tidak demikian, ilmu mencerahkan minda, tetapi kekayaan menggelapkannya, ilmu mengaruh kemanusiaan kepada pengabdiaan kepada Tuhan tetapi kekayaan mendekati kepada kesombongan Fir’aun dan Nimrod yang mengaku dirinyalah Tuhan. Tentunya ada beberapa pernyataan Sayyidina ‘Aly (Ali) ini yang boleh dipersoalkan. Namun, jelaslah secara jumur dan amnya, mengikut ajaran Islam ilmu mengatasi kekayaan dan kekuasaan. Bahkan satu daripada ajaran Islam yang dibuktikan dengan tuntasnya oleh Rosenthal (1970/1992) ialah kesetaraan ilmu dengan iman. Tentunya tersirat di dalam sumber tentang status ilmu dalam Islam di atas itu menunjukkan ilmu bukannya untuk kekayaan atau kekuasaan semata-mata.

Sejak kemajuan teknologi maklumat, status ilmu bagi Barat berubah sesudut yang mencakoh dengan terbitnya buku Toffler (1990). Kemudian menyusul kata dengung, ekonomi ilmu (ekonomi-i)/*knowledge economy* (*k-economy*). Dasar Sains dan Teknologi Negara bagi Negara Membangun, termasuk Malaysia, memang untuk mencipta kekayaan menerusi sains dan teknologi. Ini bermakna penyelidikan SATRIA mestilah menghasilkan produk yang boleh dipasarkan. Penyelidikan teori pun terabaikan. Jelaslah ilmu untuk kekayaan semata-mata ini tidak menjamin keterlestarian ilmu.

ILMU SARAT NILAI LAWAN BEBAS NILAI

Ilmu sarat nilai sudah lama dibuktikan oleh falsafawan bermula dengan Spengler (1918-1922), seorang falsafawan Eropah-Jerman agung awal abad

ke-20, dan antropologi seperti White (1947), ahli sosiologi ilmu dalam tahun 1940-an. Kedua-duanya membicarakan konsep nombor yang dibuktikan bergantung kebudayaan. Namun teori atau hujah ketak-neutralan ilmu sains yang paling berjaya ialah oleh Thomas Kuhn (1962) dan dalam matematik oleh Wilder dan Stwertka dalam 1980-an. Hujah-hujah tentang tidak serasinya nilai di dalam sains moden dengan Islam mula muncul dalam tahun 1960-an hingga 1980-an yang menambahkan lagi bukti ilmu sarat nilai: Nasr (1964) dengan adanya doktrin kosmologi dalam sains, al-Faruqi (1982) dengan kelompangan ilmu zaman tamadun Islam dengan ilmu kontemporer, al-Attas (1978) dengan adanya sekularisme dalam ilmu kontemporer. Jika ilmu sarat nilai, maka timbullah soalan, “Nilai apakah yang melestarikan ilmu?” Adakah sains yang bersih daripada metafizik seperti yang diperakukan oleh positifis mantik oleh Kalangan Vienna 1930-an (Mayhall 2002 nampaknya menerima pujian baharu dalam membicarakan falsafah sains klasik ini), atau yang terpalsukan seperti yang diperakukan oleh Popper (1934/1968), atau nilai pakatan bersama kepsikologian yang membentuk paradigma Kuhn (1962) yang nisbi baharu dibuktikan berlaku juga di dalam matematik oleh Wilder (1981/2010) dan Stwertka (1987), atau nilai apa-saja-asal-jadi menerusi keanarkian kecendekiawanan Feyerabend (1975), atau yang beriltizam dengan sesuatu atur cara penyelidikan Lakatos (1981) termasuk berasaskan metafizik sekalipun, atau yang serasi dengan sesuatu ideologi seperti sekularisme, ateisme, teisme (seperti Hinduisme, Buddhisme, Taoisme, Yahudi, Kristian, dan Islam), tabiisme, ... liberalisme, sosialisme dan komunisme? Belumlah ada kajian yang benar-benar membuktikan ‘hubungan kesilapan dukungan nilai dengan kegagalan sains’ kecuali yang terjadi demikian dalam projek Lysenko 1960-an (di Rusia) untuk menegakkan komunisme dalam teori genetik bagi menggantikan teori genetik bukan berasaskan ideologi tersebut (Internet 4); dan projek Heidegger (Internet 5) dalam pendidikan universiti di Jerman berasaskan Nazisme yang disesuaikan dengan falsafahnya di dalam karya agungnya *Zeit und Sein* (*Time and Being*/Masa dan Makhluk). Kini sains yang tidak berasaskan teisme (kebanyakannya deisisme) ternyata begitu dominan seluruh dunia sehingga ramailah yang berpendapat sains itulah yang terlestarikan. Akan tetapi sains ini baru berusia sekitar 100 tahun kalau dikira hampir semua teori besar sains sekarang berasaskan teori Einstein-Poincare 1904 dan teori quantum 1925, walaupun

sejarawan sains Barat lazim meletakkan Copernicus (abad ke-16) sebagai bapa sains modennya. Sarjana Kristian (terutamanya menerusi bangkangan mereka kepada tabiisme/*naturalism* dalam sains) dan sarjana Islam terutamanya menerusi pengislaman ilmu sejak 1980-an) amat yakin bahawa ilmu yang mengabaikan nilai agama masing-masing itu pastinya tidak terlestarikan.

KESIMPULAN

Unsur kebudayaan yang utama dan penting dalam sesebuah tamadun ialah bahasa dan ilmu; dan demi keterlestarian tamadun maka unsur kebudayaan inilah yang perlu dilestarikan. Keterlestarian bahasa amat bergantung kepada keterlestarian ilmu. Daripada cerapan naik-turunnya ilmu di dalam sesebuah tamadun khususnya tamadun Malayonesia (Malayuwiyyah atau Pascabima) faktor ketaklestarian ilmu ialah perkara yang berikut: (1) Keterlestarian bahasa bergantung hebat pada keterlestarian ilmu dalam bahasa tersebut. (2) Keterlestarian ilmu terbukti tidak tercapai di dalam keadaan ilmuwan yang tidak bebas kuasawan, membelakangi acuan dan warisan ilmu sendiri, taasub pendirian, mendukung nilai/falsafah yang silap tentang ilmu, khususnya mengabaikan nilai/falsafah sejagat sejati (iaitu yang diwahyukan) dalam pembinaan ilmunya.

NOTA AKHIR

- ¹ Malayonesia ialah istilah ciptaan ahli etnografi Inggeris pertengahan abad ke-19 M, George Earl, yang merujuk rantau tenggara Asia ini yang penduduknya berbahasa *lingua franca*-nya bahasa Melayu (ejaan Melayu selepas akhir abad ke-19). Istilah Malayuwiyah pula digunakan oleh para ulama-cendekiawan berbahasa Melayu di Asia Tenggara ini mungkin sekali sejak abad ke-16 M lagi walaupun yang dijumpai setakat ini ialah dalam tulisan para ulama Petani dalam pertengahan abad ke-19 M. Pascabima ialah rantau yang sama ciptaan penulis ini (Shaharir 1998, “Makna Ilmu dan Ilmuwan dalam budaya Melayu di Pascabima”. *Kesturi* 8(1): 65-106) yang berupa akronim daripada nama-nama pemerintah/kerajaan dahulu (Petani, dan Campa-Funan yang sudah tiada kini) dan kini (Philippina, Singapura, Brunei, Indonesia, Malaysia)
- ² Yang muncul dalam istilah bidang ilmu x-ik(a)/x-ics seperti matematik(a), fizik(a), linguistik(a) dsb.-nya.
- ³ Yang muncul dalam bidang ilmu sebagai x-logi/x-logy seperti biologi, fonologi, astrologi dsb.-nya
- ⁴ Yang muncul sebagai epistem, epistem-x seperti epistemologi, epistemik(a),... dsb.-nya

- ⁵ Yang muncul dalam bidang ilmu *x-nomi/x-nomy* seperti astronomi/*astronomy*, ekonomi/*economy*... dsb.-nya.
- ⁶ Yang bermaksud tulisan sahaja sehingga adanya perkataan *Kunlun*, *horasastera* yang bermaksud tulisan tentang bintang-bintang, iaitu astronomi sekarang; *arthasastera* yang bermaksud tulisan tentang harta, iaitu ekonomi sekarang; *dharmasastera* yang bermaksud tulisan perihal pemerintahan, iaitu undang-undang, kepemimpinan, kepengurusan dan kepentadbiran.
- ⁷ Di Malaysia kini tidak syak lagi ketua penyanjungan dan pengaguman bahasa (dan tentunya kebudayaan Inggeris) diketuai oleh Mahathir (mantan PM Malaysia yang menjadi arkitek PPSMI 2002) dan kebelakangan ini digemburkan oleh tiga buah BBK Melayu *PAGE (Parent Action Group for Education)*, *JMM (Jaringan Melayu Malaysia)* dan *Selangor Concerned Citizen*. Ironinya ketiga-tiga BBK ini diketuai oleh Melayu. Mahathir dan BBK ini mendapat tentangan hebat daripada sebuah gabungan BBK yang bernama GMP (Gerakan Mansuhkan PPSMI) yang dianggotai oleh 143 buah BBK mendesak melalui pelbagai cara kecendekiawanan dan keperundingan yang berkemuncakkan dengan “Demonstrasi 100 Ribu” di Kuala Lumpur pada 7 Mac 2009 mendesak kerajaan memansuhkan PPSMI. Buat sementara ini ternyata kerajaan tunduk kepada desakan dengan mengisytiharkan PPSMI dimansuhkan secara beransur-ansur mulai 2011 dan dijanjikan termansuh sepenuhnya pada 2020. Kedua-dua belah pihak masih tidak berpuas hati dan tetap mendesak dan menunggu sambutan kerajaan seterusnya. Gerakan pro-PPSMI kini menuntut supaya 5% sekolah yang masih meneruskan PPSMI itu dikekalkan demikian selama-lamanya malah menggesa lagi supaya sekolah aliran Inggeris sepenuhnya diwujudkan sekurang-kurangnya sebuah sekolah setiap daerah di Malaysia. Isu bahasa akan terus berlanjutan dan mengalami ginjatanya bergantung kepada pemerintah selanjutnya.
- ⁸ Malayonesia/Malayuwiayah/Pascabima mengalami pengHindiaan selama lebih seribu tahun bermula 1 Saka =78 M)
- ⁹ Sebahagian daripada Malayonesia sebelum Islam adalah kerajaan Buddha (Khususnya Funan, Campa dan Srivijaya). Utara Semenanjung Malaysia dan Petani dijajah Siam (beragama Buddha) kira-kira seabad mulai abad ke-18 M, dan Petani masih terjajah Siam/Thailand hingga kini.
- ¹⁰ Malayonesia/Malayuwiayah/Pascabima mengalami pengislaman selama 7 abad, sejak 1200, dan mulai menguak kembali menerusi Pengislaman Ilmu mulai 1970-an.
- ¹¹ Malayonesia/Malayuwiayah/Pascabima mengalami pengoksidaan/ pengkolonialan secara meluasnya dan agak bersistemnya (menerusi pemerintahan) sejak abad ke-17 M kalau dikira sejak penSepanyol di Filipina, dan pemBelandaan menerusi urusan perdagangan Syarikat Hindia Timur Belanda di sebahagian besar rantau Malayonesia/Pascabima yang dikenali sebagai Indonesia sejak 1945, atau PemBelandaan menerusi pemerintahan kerajaan Belanda di Hindia Timur Belanda sejak 1800 dan PengInggerisan menerusi kepentadbiran-kepentadbiran abad ke-19 di bahagian rantau Malayonesia/Malayuwiayah/Pascabima yang sejak 1963 dikenali sebagai Malaysia.
- ¹² Antara karya yang membakar semangat kemerdekaan Malayuwiayah itu ialah *Nasihat al-Muslimina* oleh al-Falimbany, dan *Mir'at al-'Aja'ib* oleh Ahmad al-Fatdany.

Sebenarnya sarjana-ulama yang lebih awal daripada mereka ini juga melakukan hal yang sebegini dan sarjana itu ialah Yusuf al-Munkatsy dalam abad ke-17 (tetapi karyanya masih belum kami ketahui) yang menyeru umat di Malayuwiyah membebaskan diri daripada Belanda sehingga beliau amat dibenci Belanda lalu ditangkap, dibuang ke Sri Lanka dan akhirnya ke Afrika Selatan. Beliau diisytiharkan Pahlawan Negara Indonesia pada zaman Pak Habibie berkuasa di Indonesia.

RUJUKAN

- Abdullah H. & Ainon M. 1993. *Kamus Peribahasa Lengkap Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- al-Attas, M.N. 1978. *Islam and Secularism*. ABIM. suntingan keduanya terbitan ISTAC 1993. Terjemahan di Indonesia sebagai *Islam dan Sekularisme*. Bandung: Pustaka 1981.
- al-Faruqi I.R. 1982, Islamisation of knowledge: The problem, principles and the workplan. A Follow-up Report on Seminar on ‘Islamization of Knowledge’. National Hijra Centenary Committee of Pakistan.
- Alinor M.b.A.K. 2007. Sejarah bahasa melayu sebagai bahasa matematik. *Maths Digest* 2(2): 37-39.
- . 2010. Tahap ke-Sanskrit-an dan Keaslian Bahasa Melayu: Ulasan buku James T. Collins, Bahasa Sanskerta dan Bahasa Melayu, DBP 2009. *Kesturi* 20(2):67-88.
- Boroditsky, L. 2011. Lost in Translation. *Life & Culture*, 23 July 2010. <http://online.wsj.com/article/SB10001424052748703467304575383131592767868.html>. Akses pada: 15 Oktober 2011.
- Bukhary al-Jawhary. 1603. *Taj al-Salatdin* (Jawi). Dirumikan 1992, *Tajussalatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carroll, J.B. 1956. *Language, Thought and Reality. Selected Writings of Benjamin Lee Whorf*. Massachusetts: Technology Press of MIT, John Wiley and Chapman & Hall.
- Chew, M.M. 2009. Cultural sustainability and heritage tourism development: Problems in developing bun festival tourism in Hong Kong. *Journal of Sustainable Development* 2(3): 34-42.
- Deutscher, G. 2010. *Through the Language Glass: Why the World Looks Different in Other Languages*. Metropolitan Books.
- Durning, A. 1992. *How Much is Enough?* New York: Norton.
- Feyerabend, P. 1975. *Against Method: Outline of an Anarchistic Theory of Knowledge*. 3rd edition. Verso Books.
- Fishman J.A. 1968. *Language Problems of Developing Nations*. New York: John Wiley.
- . 1968. *Readings in Sociology of Language*. The Hague, Paris: Mouton.
- Fukuyama, F. 1992. *The End of History & The Last Man*. New York: Free Press.
- Guerrero, M. 2011. Heidegger - Language is the House of Being. <http://ezinearticles.com/?Heidegger---Language-is-the-House-of-Being&id=1682879>. Akses pada: 15 Oktober 2011.
- Hadiyah, H. S. 1980. *Tarjamah Ahadits*. Bandung: Pt. alma'arif.

- Hidayat, F. t.t. Budaya. Ensiklopedia Filsafat Indonesia. <https://sites.google.com/site/filsafatindonesia/Home/b/budaya>. Akses pada: 17 Oktober 2011.
- Hoijer, H., sunt. 1954. *Language and Culture: Conference on the Interrelations of Language and Other Aspect of Culture*. Chicago: Chicago University Press.
- Huntington, S. P. 1996. *Clash of Civilisation and the Remaking of World Order*. New York: Simon & Schuster.
- Internet 1. *Dictionary of Sanskrit-English*.
- Internet 2. *Kamus Besar bahasa Indonesia*, KBBI. <http://pusatbahasa.kemdiknas.go.id/kbbi/index.php>.
- Internet 3. Moral and ethics 2006. <http://moralsandethics.wordpress.com/2006/11/16/knowledge-and-wealth/>. Akses pada: 15 Oktober 2011.
- Internet 4. Trofin Lysenko. Wikipedia; Lysenkoism. World of Genetics. ©2005-2006 Thomson Gale, a part of the Thomson Corporation. <http://www.bookrags.com/research/lysenkoism-wog/> Akses pada: 17 Oktober 2011.
- Internet 5. Heidegger and Nazism. Wikipidia https://en.wikipedia.org/wiki/Martin_Heidegger_and_Nazism.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia* (KBBI). Lihat Internet 2.
- Kamus Dewan* (KD). Dalam talian DBP.
- KBBI. Lihat *Kamus Besar Bahasa Indonesia*.
- KD. Lihat *Kamus Dewan*.
- Koentjaraningrat. 1974. *Kebudayaan, Mentalitet dan Pembangunan*. Jakarta: Gramedia
- Kuhn, T. 1962. *The Structur of Scientific Revolution*. Chicago: Chicago Univ. Press.
- KuPELEMA. 2008. Unsur-Unsur Sains Matematik dalam Prasasti dan Manuskrip Rumpun Melayu Dalam Bahasa Melayu Sejak Abad Kedua Hingga Kesembilan Belas Masehi I. *Seminar Etnomatematik Asia Tenggara 1*, di INSPEN, UPM.
- Lakatos, I. 1981. Methodological Research in a Scientific Program. Dlm. *Criticism and the Growth of Knowledge*, disunting oleh Lakatos I. & Musgrave A. Cambridge: CUP.
- Lan, J. 2008. A discussion on the ecological balance and sustainable development of higher vocational education. *Journal of Sustainable Development* 1(3): 48-50.
- Mayhall C.W. 2002. *On Logical Positivism*. Wadsworth Publishing.
- Monier-Williams. 1956. *A Sanskrit-English Dictionary*. Internet.
- Mueller-Vollmer, K. 2011. Wilhelm von Humboldt. Stanford Encyclopedia of Philosophy. <http://plato.stanford.edu/entries/wilhelm-humboldt/#SomEssHumUndLan>. Akses pada: 15 Oktober 2011.
- Nasr, S.H. 1964. *Introduction to the Islamic Cosmological Doctrine*. New York: Sunny Press.
- Popper, K. 1934/1968. *The Logic of Scientific Discovery*. Routledge.
- Postel, S. 1990. Toward a new 'eco'-nomics. *World-Watch* 3(5): 20-28.
- Rao, R.R., Naidu, S. R. & Rohana, J. 2008. A critical review of the methods used to estimate the cost of an adequate education. *Journal of Sustainable Development* 1(3): 98-102.
- Rieber, R.W., sunt. 1983. *Dialogues on the Psychology of Language and Thought*. <http://www.chomsky.info/interviews/1983----.htm>. Akses pada: 15 Oktober 2011.
- Rosenthal, F. 1970. *Knowledge Triumphant*. Netherlands: Brill Publisher.
- Rouse, J. 1990. *Knowledge and Power: Toward a Political Philosophy of Science*. Cornell Univ. Press.
- Sapir, E. & Mandelbaum, D. G., sunt. 1983. Selected Writing on Edward Sapir in Language, Culture and Personality. University of California Press.
- Segal, J. M. 1999. *Graceful Simplicity. Towards a Philosophy and Politics of Simple Living*. New York: Holt.
- Segalas, J., Ferrer-Balas D., Svanstrom M., Lundqvist U. & Mulder K. F. 2009. What has to be learnt for sustainability? A comparison of bachelor engineering education competences at three European universities. *Sustainability Science* 4(1): 17-27.
- Shaharir b.M.Z. 2000. *Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains*. Snt. ke-2. Bangi: Penerbit UKM.
- _____. 2005. Sains matematik dan pengurusan. *JQMA/ JuSQA* 1(1): 1-43.
- _____. 2008. Ekonomi pembangunan lawan ekonomi kebahagiaan. *Jawhar. Jurnal Kajian Ketamadunan Malaysia* 5(1): 1-45.
- _____. 2010. Peradaban Melayu: Pengembalian takrif sebenarnya. Dlm. *Kumpulan Esei Budayawan Bertindak*, disunting oleh Dinsman, Hasni, A. & Kassim, M., 196-201. Kuala Lumpur: Seniman Paksi Rakyat.
- _____. 2011a. Moderation as a Heritage of the Pre-Islamic and Islamic Malayonesian Best Leadership Quality. International Seminar on Moderation. Pusat Dialog Peradaban dan Kementerian Luar Malaysia, 16 Jun 2011.
- _____. 2011b. *Kepemimpinan Tok Guru Nik Aziz mengikut Pandangan Para Sarjana Besar Sepanjang Zaman*. Snt. Kedua. Kuala Lumpur: Kaab Enterprise.
- _____. 2012a. Bahasa Penemu Ilmu. Makalah undangan di *Seminar MABBIM* di Brunei, 4 April 2012.
- _____. 2012b. *Berakhir sudahkah Ilmu dalam Acuan Sendiri?* Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, UM.
- _____. 2013a. *Istilah dan Konsep Pengukuran Tradisional Alam Melayu*. Pulau Pinang. Penerbit USM.
- _____. 2013b. Epistemologi Melayonesia Berbahasa Melayu. Forum Aliran Melayu, anjuran Penang Institute. 16 Jun 2013.
- Spengler, O. 1918-1922. *The Decline of the West*. Terj. 1991. USA: Oxford University Press.
- Stwertka, A. 1987. *Recent Revolutions in Mathematics*. New York: Franklin Watts.
- Toffler, A. 1990. *Poweshift : Knowledge, Wealth and Violence of the Edge of the 21st Century*. Bantam.
- Wan Mohd Saghira A. 2000. *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*. Jilid 10. K. Lumpur: Pusat Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah.
- White, L. 1947. The Locus of mathematical reality: An anthropological footnote. *Philosophy of Science* 14: 289-303.
- Wikipedia 1. scientia potentia est. http://en.wikipedia.org/wiki/Scientia_potentia_est. Akses pada: 15 Oktober 2011.
- Wilder, R. 1981. *Mathematics as a Cultural System*. Pergamon Press.
- Williams, R. 1983. *Keywords. A Vocabulary of Culturte and Society*, Rev. ed. OUP.

Shaharir Mohamad Zain
Pusat Dialog Peradaban
Universiti Malaya
E-mail: riramzain@yahoo.com

Diserahkan: 23 April 2015
Diterima: 6 Ogos 2015